

# Pertahan seni silat demi kelangsungan Melayu: Najib

**Serdang:** Seni silat perlu terus dipertahankan bagi memastikan survival orang Melayu dan Islam, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Beliau yang juga Imam Khalifah Agung Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia (PSSPGM) berkata, selain memperkukuh ketahanan diri, seni silat turut membentuk kesepaduan.

“Silat mampu memperkukuh ketahanan diri yang lemah longlai dan mendisiplinkan jati diri sekali gus membentuk keteguhan peribadi.

## Pertahan tanah air

“Semua warga silat adalah angkatan ketiga pertahanan negara yang bertindak mempertahankan tanah air daripada ancaman musuh,” katanya ketika berucap pada Himpunan Sang Sapurba Segayong di sini, malam tadi.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek dan Ke-



Najib pada **Himpunan Sang Sapurba Segayong di UPM, Serdang**, malam tadi.

[FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]

tua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron.

Pada majlis yang dihadiri 12,000 ahli PSSPGM seluruh negara itu Najib turut melancar-

kan Yayasan Silat Gayong bertujuan menyuntik dana secara terancang pertubuhan itu.

Dalam ucapan sama, Najib berkata silat adalah seni tempur

yang melambangkan nilai budi dan peradaban yang unik dan tersendiri.

Najib turut menyampaikan Anugerah Sandang Kebesaran ke-

pada Jamil Khir, Hasan dan Idris.

Turut menerima anugerah dua artis terkenal tanah air iaitu Ahmad Azhar Othman atau Awie dan Nasir Bilal Khan.